

28/03/1999

Apabila peguam dituduh hina mahkamah

HARI ini, sambil kita makan ketupat, lemang dan daging korban, Kiau nak cakap sikit pasal peguam.

Dulu kalau anak atau cucu seseorang jadi peguam, satu daerah heboh. Pasal waktu itu, tidak banyak anak Melayu jadi peguam. Yang lulus pengajian undang-undang pun tidak banyak jadi peguam.

Sebab kebanyakan anak Melayu pergi universiti atas biasiswa kerajaan, maka apabila lulus, mereka masuk bekerja dengan kerajaan. Yang lulus ilmu undang-undang pun masuk kerajaan juga.

Mana-mana yang jadi peguam, akhirnya masuk politik dan jadi orang politik. Tetapi sekarang tidak macam itu lagi. Banyak anak Melayu yang lulus undang-undang jadi peguam.

Akhir-akhir ini peguam sering menjadi bahan berita pasal mereka mempertahankan tertuduh dalam kes-kes yang menarik minat umum atau mereka sendiri dibicarakan.

Ada yang dibicarakan kerana dituduh melakukan jenayah dan ada pula yang didapati bersalah menghina mahkamah.

Kalau orang biasa hina mahkamah kita tidak hairan dan kita pun boleh terima pasal mereka mungkin tidak faham undang-undang. Tetapi apabila peguam membuat sesuatu sehingga disabit kesalahan menghina mahkamah, kita pun naik hairan.

Kita hairan sama ada ini berlaku kerana mereka tidak faham undang-undang atau disengajakan. Kalau kita kata mereka tidak faham undang-undang, mereka boleh tuduh kita memalukan mereka dan saman kita di mahkamah.

Ini Kiau takut pasal sekarang cukup banyak kes saman malu. Kalau saman saja tak teruk sangat. Tapi sekarang disertai pula dengan tuntutan ganti rugi beratus juta ringgit.

Jadi kita tidak boleh mudah-mudah tuduh peguam tidak faham undang-undang. Tetapi kalau mereka faham, tetapi mereka buat juga, apakah ini bermakna mereka sengaja atau ada muslihat tertentu? Itupun kita kena berjaga-jaga juga. Silap-silap mereka boleh tuduh kita menghina mereka dan mengemukakan saman malu terhadap kita.

Satu lagi berita mengenai peguam yang Kiau rasa cukup menarik ialah pertemuan 18 Mac lalu di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan wakil Majlis Peguam.

Majlis Peguam atau Bar Council adalah badan induk yang mewakili peguam di negara kita.

Khabarnya, pertemuan itu diatur atas permintaan Majlis Peguam oleh seorang peguam yang sekarang dalam kerajaan. Khabarnya lagi, tidak semua orang senang hati dengan pertemuan itu walaupun Dr Mahathir sendiri tidak keberatan.

Inipun satu masalah. Banyak sangat orang yang berasa mereka lebih faham dan tahu apa yang baik dan buruk bagi Perdana Menteri daripada Perdana Menteri sendiri.

Kiau kata, kalau Dr Mahathir nak jumpa Majlis Peguam atau mana-mana badan profesional biarlah dia jumpa. Itu hak dia. Siapa yang atur kita peduli apa asalkan tujuannya baik. Lagipun, Dr Mahathir khabarnya tidak berjumpa Majlis Peguam sudah 15 tahun.

Jadi eloklah pertemuan seperti itu diadakan. Majlis Peguam pun nampaknya bersikap terbuka terhadap apa yang mereka kemukakan kepada Dr Mahathir dan mengenai perbincangan dengan beliau.

Beberapa hari selepas itu, Majlis Peguam mengadakan pemilihan pucuk